

SOALAN NO: 20

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD
[KOTA RAJA]
TARIKH : 27 NOVEMBER 2017
SOALAN : 20

YB Dr. Hajah Siti Mariah Binti Mahmud [Kota Raja] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah yang sudah diambil bagi memudahkan para pengusaha perkhidmatan pusat dialisis untuk memohon atau memperbaharui lesen operasi.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian menghargai hasrat dan usaha daripada pihak swasta dan badan bukan Kerajaan (NGO) dalam menyediakan perkhidmatan hemodialisis bagi pesakit-pesakit yang memerlukan. Dalam masa yang sama, Kementerian bertanggungjawab untuk mengawal dan mengawalselia pusat hemodialisis yang dikendalikan oleh pihak swasta dan badan bukan Kerajaan (NGO) bagi memastikan keselamatan dan rawatan yang berkualiti untuk pesakit yang memerlukan rawatan hemodialisis.

Untuk itu, pelbagai langkah telah diambil bagi memudahkan para pengusaha perkhidmatan dialisis untuk memohon atau memperbaharui lesen, antaranya adalah –

- (a) Memuat naik semua senarai semak berkaitan permohonan kelulusan dan lesen (termasuk pembaharuan lesen) ke laman web rasmi Bahagian Amalan Perubatan;
- (b) Memberikan senarai semak pemeriksaan premis kepada pengendali pusat hemodialisis sebelum lawatan pemeriksaan sebenar dilakukan bagi membolehkan pengusaha membuat persiapan sewajarnya sebelum lawatan sebenar dilakukan;
- (c) Pihak pemohon boleh menghubungi pegawai-pegawai bertanggungjawab melalui emel serta panggilan telefon;
- (d) Memperuntukkan hari Jumaat sebagai hari bertemu pelanggan bagi membincangkan isu-isu berkaitan permohonan yang berkaitan; dan
- (e) Dalam proses membangunkan sistem permohonan secara *online* (MedPCs).

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian amat mementingkan keselamatan dan kualiti rawatan terhadap pesakit. Sehubungan itu, Kementerian menyeru supaya pihak swasta/NGO yang berhasrat menyediakan perkhidmatan hemodialisis supaya sentiasa mematuhi keperluan perundangan dan peraturan-peraturan. Kementerian akan memantau bagi memastikan pusat-pusat hemodialisis yang berkaitan menyediakan perkhidmatan hemodialisis yang selamat.